

'Contohi tumpuan pasaran syarikat Korea Selatan'

BH - 29/11/2019 m/s: 2

Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru syarikat Malaysia mencontohi firma Korea Selatan dengan memberi tumpuan kepada pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, perubahan sikap itu perlu jika negara mahu membangun dengan pesat untuk muncul semula sebagai Harimau Asia.

"Korea daripada mula mempunyai strategi yang berbeza daripada kita. Segala-gala kita (syarikat Malaysia) buat adalah untuk kegunaan dalam negara.

"Korea pula daripada mula berani teroka pasaran dunia walau di mana sekalipun, termasuk padang pasir," katanya pada sidang akhbar dengan wartawan Malaysia pada akhir lawatan lima hari ke Korea Selatan, semalam.

Dr Mahathir yang diiringi Tun

Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, tiba Ahad lalu dengan menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Republik Korea di Busan, sebelum memulakan lawatan rasmi selama dua hari di Seoul, kelmarin.

Ketika lawatannya di Busan dan Seoul, Perdana Menteri turut mengambil kesempatan untuk melawat beberapa kemudahan pembuatan aeroangkasa, kereta api dan perkapalan.

"Walaupun dahulu mereka dikenali sebagai *the hermit kingdom*, iaitu tak campur dengan orang, tetapi selepas itu mereka dapat menyerap teknologi dan kemahiran dengan pantas.

"Apa yang Barat boleh buat, mereka boleh buat dengan secara besar-besaran. Kita sebaliknya tumpu kepada pasaran domestik

Apa yang Barat boleh buat, mereka boleh buat dengan secara besar-besaran. Kita sebaliknya tumpu kepada pasaran domestik yang kecil, maka syarikat kita tak boleh berkembang.

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

yang kecil, maka syarikat kita tak boleh berkembang," jelas Dr Mahathir.

Beliau berkata, syarikat Malaysia terlalu puas hati dalam 'zon selesa' mereka.

"Kita berasa susah (meneroka) negara orang kerana mereka bertutur bahasa lain. Kita terlalu bergantung kepada kerajaan," katanya.

Beliau akui ada syarikat Malaysia yang sudah pun menembusi pasaran antarabangsa, tetapi secara umumnya sektor pembuatan masih bergantung kepada input import yang menyebabkan banyak pengaliran keluar wang negara.

Perdana Menteri juga mengingatkan syarikat negara agar sentiasa jujur jika mahu berjaya ber-

niaga. Jika kita tidak jujur perniagaan kita akan gagal.

Mengenai hubungan dengan Korea Selatan, Dr Mahathir berkata, negara Asia Timur itu mahu meningkatkan hubungannya dengan Malaysia.

Beliau berkata, Korea Selatan bersedia menerima lebih ramai pelajar Malaysia, selain meningkatkan pelaburan serta menubuhkan usaha sama.

"Mereka mahu memindahkan teknologi, termasuk dalam sektor pembinaan pesawat, kereta api dan bidang teknologi maklumat.

"Hubungan kedua-dua negara akan bertambah lebih positif, lebih daripada sebelum ini," katanya.



BH TV